

NEWSCLIPPINGS

Publication:	Berita Harian	Section:	Ekonomi
Date:	3 January 2012	Page:	29
Headline:	Emery Oleochemicals perluas inovasi produk oleokimia (<i>Emery Oleochemicals widens its oleochemicals product innovation</i>)		
Summary :	Emery Oleochemicals, a company incorporated under the Sime Darby Group is now among the leading producers of natural oleochemicals and fat in the world with global development projects involving investments of RM637 million. It's Group CEO; Dr. Kongkrapan Intarajang said that the objective of these steps is to strengthen the business platform of Emery Oleochemicals through its innovative developments and product portfolio.		

Emery Oleochemicals perluas inovasi produk oleokimia

EMERY Oleochemicals, sebuah syarikat di bawah kumpulan Sime Darby Bhd yang kini adalah antara pengeluar oleokimia asli dan lemak terbesar di dunia, sedang melaksanakan projek pembangunan global yang membabitkan pelaburan berjumlah AS\$200 juta (RM637 juta).

Ketua Eksekutif Kumpulannya, Dr Kongkrapan Intarajang, berkata langkah itu bertujuan memperkuatkan lagi platform perniagaan syarikat berkenaan melalui pengembangan inovasi dan portfolio produknya.

"Kami akan meluaskan lagi pe-

laburan dalam penghasilan produk kesihatan dan kebersihan berasaskan oleokimia serta bahan tambahan polimer mesra alam sekitar pada 2012 ini.

"2012 adalah tahun mencabar bagi kebanyakan perniagaan kesan daripada situasi ekonomi global yang tidak menentu. Namun, Emery Oleochemicals akan menggunakan kepakaran teknikalnya dalam mengembangkan lagi inovasi produk yang dihasilkan," katanya.

Emery Oleochemicals Group adalah syarikat usaha sama 50:50 antara unit perniagaan perladangan

Sime Darby, Sime Darby Plantation Sdn Bhd dengan PTT Chemical International Pte Ltd.

Oleokimia adalah sebatian kimia dihasilkan daripada lemak tumbuhan seperti minyak sawit atau lemak haiwan.

Intarajang berkata, beliau juga optimis industri oleokimia tempatan akan terus mencatatkan pertumbuhan positif dipacu beberapa faktor utama seperti bekalan bahan mentah terbesar serta sokongan dan pembiayaan kerajaan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).

"Kadar pertumbuhan tahunan

penggunaan oleokimia global dianggarkan antara empat hingga lima peratus setahun, iaitu melebihi pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kebanyakan negara maju," katanya.

Beliau berkata, Emery Oleochemicals turut merancang meneroka pasaran baru di negara ekonomi sedang berkembang pesat, terutama China dan India.

"Kami kini menguasai 70 peratus pasaran eksport produk Oleokimia Asia Pasifik dengan kapasiti pengeluaran 300,000 tan setahun di Malaysia dan sejuta tan di seluruh dunia," katanya.



Kongkrapan Intarajang